

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]
TARIKH :
SOALAN :**

YB Tuan Oscar Ling Chai Yew [SibU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa doktor telah ponteng jawatan di hospital awam di seluruh Malaysia. Apakah sebab utama yang menyebabkan mereka ponteng jawatan mereka. Langkah yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, baru-baru ini terdapat dalam kenyataan akhbar oleh Ketua Setiausaha Negara mengenai "Doktor paling ramai ponteng, dibuang kerja". Saya memohon untuk menjelaskan bahawa kebanyakan daripada doktor yang ponteng kerja adalah terdiri daripada doktor pelatih. Berdasarkan kepada statistik sehingga 31 Disember 2016, jumlah keseluruhan kes Tidak hadir Bertugas di KKM adalah sebanyak 1150 kes dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 496 kes atau 43% adalah terdiri dari Pegawai Perubatan. Punca utama yang dikenalpasti ke atas ketidakhadiran pegawai adalah tekanan kerja dan masalah peribadi.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, langkah yang diambil secara berterusan bagi menyelesaikan masalah ini ialah Program Pengukuhan dan Kesedaran Integriti seperti Penerapan Nilai-nilai Murni, Khidmat Nasihat, Sesi Konsultasi dan Kursus Pengukuhan Integriti. Penerapan dan Penghayatan Program Tadbir Urus juga akan diperkukuhkan melalui Pelan Integriti Organisasi serta Penambahbaikan Dasar, Arahan dan Sistem Prosedur.